

**Lampiran A**

**SOAL SELIDIK MENGENAI KEBERKESANAN PROGRAM KEPIMPINAN  
DALAM MELAHIRKAN PRS DALAM PROGRAM BIMBINGAN DAN  
KAUNSELING DI SEKOLAH**

**Perhatian:**

Ini bukan ujian. Soal selidik ini hanyalah untuk mengetahui setakat manakah keberkesanannya program kepimpinan dalam melahirkan PRS dalam program Bimbining dan Kaunseling di sekolah.

Jawapan-jawapan anda yang jujur dan ikhlas akan membantu pihak berkenaan membaiki perkhidmatan yang sedia ada dalam usaha untuk memberi faedah kepada pelajar-pelajar.

**Segala jawapan anda adalah rahsia.**

**Terima kasih.**

## BAHAGIAN A

Arahan : Tandakan ( ✓ ) dalam ruangan yang berkenaan.

1. Saya dari aliran

Sains      (    )      Sastera      (    )

2. Semenjak menjadi PRS, saya telah membantu rakan yang bermasalah sebanyak

0-3 kali      (    )  
4-6 kali      (    )  
7-9 kali      (    )  
Lebih daripada 10 kali (    )

3. Saya sering membantu rakan yang mempunyai masalah

Akademik      (    )  
Peribadi      (    )  
Sosial      (    )  
Kerjaya      (    )  
Keluarga      (    )

## BAHAGIAN B(I)

Arahan: Sebelum menjadi PRS, anda telah menerima latihan dengan mengikuti program kepimpinan PRS di sekolah. Anda diberi lima pilihan untuk menyatakan pandangan anda tentang kemahiran asas kaunseling dan komunikasi yang telah anda peroleh daripada program tersebut. Sila bulatkan:

- 1 sekiranya anda sangat setuju dengan kenyataan tersebut.
- 2 sekiranya anda setuju dengan kenyataan tersebut.
- 3 sekiranya anda tidak pasti dengan kenyataan tersebut.
- 4 sekiranya anda tidak setuju dengan kenyataan tersebut.
- 5 sekiranya anda sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

1. Saya boleh memberi penerangan yang jelas dan tepat mengenai program PRS.                  1    2    3    4    5
2. Saya boleh menerangkan makna kaunseling dengan tepat.                  1    2    3    4    5
3. Saya boleh memerhatikan tingkah laku rakan sambil mendengar apa yang diperkatakannya.                  1    2    3    4    5

4. Saya boleh mengemukakan soalan-soalan terbuka untuk menggalakkan rakan bercerita dengan lebih mendalam.                            1    2    3    4    5
5. Saya dapat merumuskan idea setelah rakan mengemukakan ceritanya.                            1    2    3    4    5
6. Saya dapat mengelakkan diri saya daripada memberi nasihat.                            1    2    3    4    5
7. Saya boleh berasa berempati dengan rakan.                            1    2    3    4    5
8. Saya boleh berkongsi perasaan dalam perbincangan.                            1    2    3    4    5
9. Saya boleh mengawal perasaan marah dan menerima kritikan rakan.                            1    2    3    4    5
10. Saya boleh menggalakkan rakan mengambil bahagian dalam perbincangan.                    1    2    3    4    5

#### BAHAGIAN B(II)

Sila berikan penilaian diri anda secara ikhlas dalam hal-hal yang berikut:

1. Saya boleh dipercayai oleh orang lain.                            1    2    3    4    5
2. Saya berasa yakin apabila membantu rakan saya.                    1    2    3    4    5
3. Saya berasa selesa apabila berbincang dengan rakan saya.                            1    2    3    4    5
4. Saya ialah seorang yang bertanggungjawab.                            1    2    3    4    5
5. Saya boleh membimbing rakan saya dengan baik.                    1    2    3    4    5
6. Saya merupakan seorang PRS yang berkesan.                            1    2    3    4    5

### **BAHAGIAN C**

Sebagai seorang PRS, anda memainkan peranan yang penting dalam program Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Sila bulatkan jawapan yang berkenaan.

- |   |                       |
|---|-----------------------|
| 1. Masalah disiplin di sekolah boleh dikurangkan melalui program PRS.   | 1    2    3    4    5 |
| 2. Semenjak menjadi PRS, saya banyak membantu pelajar yang mempunyai masalah disiplin.  | 1    2    3    4    5 |
| 3. Saya akan memberi maklumat kepada kaunselor sekiranya saya mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah disiplin yang serius. | 1    2    3    4    5 |
| 4. Saya sering melibatkan diri di dalam program pencegahan seperti penyalahgunaan dadah dan merokok yang diadakan di sekolah.     | 1    2    3    4    5 |
| 5. PRS memainkan peranan penting dalam program pencegahan di sekolah.   | 1    2    3    4    5 |
| 6. Program pencegahan yang dijalankan di sekolah menjadi lebih berkesan dengan bantuan PRS.                                       | 1    2    3    4    5 |
| 7. Saya senantiasa mengumpul maklumat yang berkaitan kerjaya, institusi pengajian tinggi, biasiswa, isu remaja dan isu sosial.    | 1    2    3    4    5 |
| 8. Saya sering menyebarkan maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan kepada rakan-rakan lain.                                      | 1    2    3    4    5 |
| 9. Tujuan saya mengumpulkan maklumat-maklumat tersebut adalah untuk memajukan diri sendiri dan juga rakan.                        | 1    2    3    4    5 |
| 10. Rakan-rakan mendapat manfaat daripada maklumat yang saya sebarkan.  | 1    2    3    4    5 |
| 11. PRS sering menganjurkan aktiviti menyebarkan maklumat berkaitan remaja melalui papan kenyataan kelab bimbingan.               | 1    2    3    4    5 |
| 12. Saya selalu melibatkan diri dalam aktiviti orientasi pelajar baru dan bimbingan kerjaya dan PRS.                              | 1    2    3    4    5 |
| 13. Saya pernah mengikuti lawatan sambil belajar anjuran kelab bimbingan.   | 1    2    3    4    5 |
| 14. Saya percaya rakan-rakan lain memperoleh manfaat daripada aktiviti anjuran PRS.   | 1    2    3    4    5 |
| 15. Saya akan merujuk rakan yang mempunyai masalah serius kepada kaunselor tanpa perlu disuruh berbuat demikian.                  | 1    2    3    4    5 |
| 16. Aktiviti-aktiviti PRS bukan saja memanfaatkan PRS tetapi juga pelajar-pelajar lain.   | 1    2    3    4    5 |

#### **BAHAGIAN D**

1. Setelah anda mengikuti program kepimpinan PRS, adakah anda rasa program ini berkesan untuk membantu anda dalam menjalankan tugas sebagai PRS?

|             |       |
|-------------|-------|
| Ya          | (   ) |
| Tidak       | (   ) |
| Tidak Pasti | (   ) |

2. Sekiranya saya diberi peluang untuk merancang program kepimpinan ini, saya akan membaiki mutu program ini dari segi

---

---

---

---